

# **UniMAP Tingkat Kerjasama Akademik Dengan Uzbekistan**

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) akan meningkatkan kerjasama akademik dan penyelidikan dengan institusi-institusi pengajian tinggi di Uzbekistan, kata Naib Canselornya Brig. Jen. Dato' Prof Dr Kamarudin Hussin. Beliau berkata pada Januari lepas, tiga memorandum persefahaman (MoU) telah ditandatangani antara UniMAP dan universiti-universiti di Uzbekistan serta satu MoU dengan institusi pengajian tinggi di Kyrgystan.

Berucap pada Majlis Malam Kebudayaan Uzbekistan yang diadakan pada 18 April 2009, beliau yakin kerjasama itu akan memperluaskan jaringan hubungan UniMAP di peringkat antarabangsa. "Saya sedang meneliti kerjasama yang berpotensi di Uzbekistan," kata Dato' Prof. Dr. Kamarudin pada majlis yang turut dihadiri Raja Perlis, DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail dan Raja Perempuan Perlis, DYMM Tuanku Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid. Turut berangkat ke majlis itu ialah Raja Muda Perlis DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail selaku Canselor UniMAP.

Kumpulan kebudayaan Uzbekistan itu menjadi tetamu UniMAP selama empat hari bagi mengadakan persembahan kebudayaan negara berkenaan serta melawat tempat-tempat menarik di sekitar Perlis. Seramai 27 delegasi telah menyertai lawatan itu dan mereka turut di bawa melawat tempat-tempat menarik di Perlis selain mengadakan persembahan kebudayaan

dan mereka juga diraikan pada majlis makan malam yang telah diadakan di Hotel Putra Palace.

Lawatan delegasi Uzbekistan ini adalah lawatan balas hasil kunjungan DYT Tuanku Canselor dan Naib Canselor ke Uzbekistan dan Kyrgystan pada 27 Jan - 3 Feb 2009 lalu. Dato' Prof. Dr. Kamarudin berkata, beliau cukup teruja dengan persembahan kebudayaan



oleh kumpulan kebudayaan dari Uzbekistan itu. Beliau juga bercadang untuk menjemput semula kumpulan kebudayaan itu untuk kembali ke Malaysia bagi memberikan tunjuk ajar kepada kumpulan kebudayaan UniMAP dalam menjadikan persembahan kumpulan itu bukan sahaja cemerlang di peringkat Universiti tetapi mampu dikenali di peringkat nasional.

Seorang anggota delegasi Uzbekistan, Nafisah Hajleva,25, berkata beliau sangat teruja dengan keharmonian penduduk di Malaysia yang sangat mesra dan baik hati. "Ini merupakan lawatan kedua saya ke Malaysia dan pertama di

UniMAP, dan saya berhasrat untuk kembali lagi ke Malaysia kerana pelbagai tarikan menarik terdapat di sini termasuklah makanan dan buah-buahannya yang sangat sedap," katanya. Azamat Cafforov,25, berkata beliau sangat berpuas hati dengan persediaan tempat tinggal dan segala kemudahan yang diberikan oleh UniMAP sepanjang tiga hari berada di Perlis. "Saya sangat tertarik dengan budaya dan sikap warga UniMAP yang sangat baik dan mengambil berat selain tempat perlancongan yang menarik dan wajib untuk dilawati," katanya yang sangat meminati masakan pedas Perlis.

Sementara itu penari UniMAP, Caroline Taimin,30, berkata lawatan dari kumpulan kebudayaan Uzbekistan merupakan kenangan paling manis dalam hidupnya. "Saya dapat mempelajari seni tarian Uzbekistan yang sangat unik dan sesiapa yang menyaksikannya pasti terpegun. Dan saya harap sebagai kumpulan kebudayaan, UniMAP harus mempelajarinya agar dapat mempelbagaikan seni tarian selain dari yang sedia ada," katanya. Menurutnya, walaupun menghadapi masalah perhubungan kerana perbezaan bahasa namun ia bukanlah penghalang untuk mereka bertukar idea dan saling berkerjasama dalam bidang seni.

Sebelum kembali ke Uzbekistan, kumpulan kebudayaan itu dibawa melawat ke Galeri DiRaja, Arau untuk didekahkan mereka dengan sistem dan adat istiadat diraja Perlis